

•MAU'IZAH
مأعِزَّةٌ
BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM 2



PENDAHULUAN

“Mau’izah” merujuk kepada Surah al-Nahl ayat 125 bermaksud nasihat atau peringatan yang baik. Firman Allah S.W.T:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلُهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

Maksud: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”. (al-Nahl: 125)

“Mau’izah” merupakan salah satu *uslub* (gaya penyampaian) berdakwah bertujuan untuk mendekatkan bukan menjauhkan, memudahkan bukan menyusahkan, mengasihi dan bukan menakutkan yang menjadikan dakwah disukai dan diterima dengan baik.

Syed Qutb dalam tafsirnya Fi Zilalil Quran menjelaskan "Mau'izah" ialah cara nasihat atau peringatan yang mampu menusuk ke dalam hati dengan lemah lembut, menyelami perasaan secara halus bukan dengan mengherdik, mencela, membuka aib kesalahan orang lain.

Justeru penulisan Buku Mau’izah ini adalah hasil daripada metode dakwah (nasihat dan peringatan) yang digunakan melalui program kerohanian yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Universiti Teknologi MARA Shah Alam bermula semenjak tahun 1990-an melibatkan penyertaan warga fakulti dan jabatan di UiTM Shah Alam secara bersiri saban tahun.

Setiap tajuk yang disampaikan sepanjang Program Mau’izah ini merupakan himpunan ringkasan tazkirah yang padat, jelas beserta ilustrasi untuk dijadikan panduan dan rujukan untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.

Konsep Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti juga turut dijadikan teras utama dalam penulisan buku ini bermula dari penerapan nilai-nilai terpuji yang dibina dalam diri setiap individu seterusnya penekanan tentang ibadah yang dapat membina hubungan seorang hamba dengan Allah S.W.T (*hablu min Allah*) serta hubungan sesama keluarga, masyarakat dan negara (*Hablu min al-Nas*).

PRAKATA

S tinggi-tinggi kesyukuran dan pujian ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin Nya e-book Mau'izah Siri ke II ini berjaya diterbitkan.

e- book ini diterbitkan hasil daripada penganjuran program tazkirah dan ceramah agama yang telah diadakan pada tahun 2021, penganjurannya dilaksanakan secara atas talian (*Live Facebook*) Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM Shah Alam yang melibatkan penyertaan staf fakulti, bahagian jabatan dan unit seluruh UiTM dan masyarakat awam.

Penganjuran Program Tazkirah atau lebih dikenali dengan nama Program Mauizah ini tidak lain tidak bukan adalah untuk bersama-sama membantu merealisasikan Pelan Perancangan Startegik #UiTM2025 yang memberikan penekanan terhadap konsep Nilai Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti dalam kalangan warga UiTM.

Penghayatan nilai ESI dan I-DART dalam kalangan keluarga UiTM boleh diterapkan melalui pelbagai inisiatif kegiatan dan program antaranya dengan penganjuran program Mauizah dan inisiatif penulisan e-book Mauizah ini sebagai elemen rujukan.

Jika kita merujuk kepada Konsep 'Keluarga Malaysia' contohnya, menggariskan tiga teras utama iaitu Keterangkuman (inclusivity), Kebersamaan (common ground) dan Kesyukuran (contentment) dan 20 pengkayaan nilai. Pengkayaan nilai-nilai antara nilai ialah dengan penerapan budaya ilmu, nilai kebertannggungjawaban, menyemai budaya ihsan, menyuburkan budaya komunikasi, berhemah serta membina akhlak mulia seluruh anggota keluarga.

Justeru, penghayatan kepada nilai dalam kalangan warga UiTM di kesemua lapisan adalah sejajar dengan Konsep Keluarga Malaysia dan Perancangan Strategik UiTM2025 dan sangat sesuai dalam memantapkan prestasi kerja ke arah pencapaian ke peringkat cemerlang dan terus membina daya juang untuk kejayaan secara berterusan dan kolektif.

Ajaran Islam, iaitu penghayatan nilai atau akhlak yang baik bukan sekadar untuk melahirkan individu yang baik dan beramanah, bahkan mampu menjadi penyumbang yang besar kepada penghasilan kerja yang cemerlang dan bermutu tinggi seiring dengan tujuan utusan junjungan Nabi Muhammad SAW untuk menyempurnakan akhlak.

E-Book yang dihasilkan oleh keluarga Bahagian Hal Ehwal Islam ini diharap dapat dijadikan rujukan dalam menerapkan nilai-nilai untuk dijadikan amalan dan dihayati sepanjang kehidupan.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada YBhg. Naib Canselor UiTM yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan atas penghasilan e-book ini. Juga kepada editor dan penulis terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam yang sentiasa berusaha gigih untuk merealisasikan penerbitan e-book ini. Semoga hasil usaha ini akan kekal menjadi jariah pahala berkekalan di sisi Allah S.W.T.

Akhir kata, semoga e-book ini memberi manfaat yang berguna kepada setiap pembaca dan dikurniakan ganjaran kebaikan oleh Allah S.W.T.

Haji Hanafi bin Haji Hamdani
Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Islam
UiTM Shah Alam



EDITOR

Mohd Hafiz Mohd Hasan

Nurul Afidah Awang

Norfaizah Yahya

GRAFIK

Muhammad Nazirul Zawir Zainal Abidin

PENULIS

Norrihah Mohd Nadzir

Mohd Azri Aripin

Lufti Fauzi Sabari

Md Idris Abdullah

Mohd Hafiz Mohd Hasan

Mohd Afiz Hassan

Mohd Nazril Saad

Shahrulnizam Akhsan

Mohd Faizan Tajuid

Nurul Afidah Awang

Norfaizah Yahya

ISI KANDUNGAN

NO	TAJUK	MUKA SURAT
1	Halal Dan Haram Dalam Pemakanan	1
2	Suami Bukan Malaikat, Isteri Bukan Bidadari	9
3	Membaca Manhaj Kehidupan	16
4	Tentang Syurga & Neraka	22
5	Ibrah Perang Badar	32
6	Tadabbur Surah Al-Waqiah	39
7	Bila Hati Mati	49
8	Bukan Kerana Dunia	54
9	Amanah Dalam Perhubungan	59
10	Andai Dapat Ku Undurkan Masa	66
11	Menghayati Erti Kemerdekaan Malalui Manhaj Rabbani	71
12	Cinta Tanpa Syarat	80
13	Cemerlang Diri, Cemerlang Negara	88
14	Sambutku Di Pintu Syurga	92
15	Kerana Mulut Badan Binasa	95
16	When Allah Loves Me	101
17	Jangan Biarkan Hatimu Ternoda	105

• MAU'IZAH
موعظة
BAHAGIAN HAL EHWAH ISLAM
SIRI 1 / 2021



TAJUK : HALAL & HARAM DALAM PEMAKANAN

PENCERAMAH :
USTAZ MOHD HAFIZ MOHD HASAN
PEGAWAI HAL EHWAH ISLAM KANAN

#BahagianHalEhwahlIslamUiTMShahAlam
#MasjidUiTMShahAlam
#MasjidNadiKeimananUniversiti



 Halal

Sabda Rasulullah ﷺ :

إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحُرَمَ بَيْنَ
وَبَيْنُهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ
الثَّانِي [رواه البخاري]

Yang bermaksud:

“Sesungguhnya halal itu jelas dan haram itu jelas, di antara keduanya adalah perkara syubhah yang tidak diketahui kebanyakan manusia”



Bahasa : Daripada dasar *halla* (حلّ) iaitu keluar dari sesuatu yang haram dan dilarang atau dicegah.

(Ibnu Manzur, Lisan al- 'Arabi)

Istilah : Membenarkan sesuatu perbuatan sama ada dilakukan



Bahasa : Dari kata dasar *haruma* (حرّم), yang bermaksud sesuatu yang dilarang atau ditegah.

(Ibnu Manzur, Lisan al- 'Arabi)

Istilah : iaitu larangan atau tegahan yang jelas, yang mana perbuatan ini mendapat amaran dan ancaman.



Bahasa : dari kata *syibhu* (شبھ) dan kata jama'nya adalah *syubuhāt* (شبھات) yang bermaksud kabur dan diragui.

(Quṭub, Mu'jam Muṣṭalahāt)

Istilah : syubhah bermaksud sesuatu perkara yang **samar** dan tidak diketahui sama ada ianya halal atau haram, hak atau batil.

(Ibrāhīm, al-Mu'jam al-Wasīṭ)



Ragu dengan bukti

	Istilah	Penerangan
1	Pig	Babi yang kurang daripada 50 kg
2	Pork	Istilah babi dalam masakan
3	Swine	Semua jenis babi
4	Hog	Babi dewasa berat 50 kg ke atas
5	Boar	Babi liar/babi hutan / sinalau baki
6	Lard	Lemak babi yang digunakan untuk
7	Bacon	Haiwan yang disalai termasuk babi
8	Ham	Daging babi bahagian peha
9	Sow	Babi betina
10	Porcine	Istilah yang digunakan dalam perubatan
11	Bak Kut	rempah-Sup tulang babi
12	Char Siu	Char- Garpu, Siu -daging pangang merah BBQ (Masyarakat Cina)
13	Cu Yuk	Cu - daging , Yuk – babi (Masyarakat)
14	Yakibut	Potongan daging babi (Bahasa Jepun)
15	Dwaeji	(Bahasa Korea)
16	Ton-katsu	Tulang babi digunakan untuk ramuan remen





مَنِ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدِ اسْتَبَرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ
فِي الْحَرَامِ،

“Siapa yang bimbang terhadap syubhah maka dia telah menyelamatkan agama dan kehormatannya. Dan siapa yang terjerumus dalam perkara syubhah, maka dia mudah terjerumus dalam perkara yang diharamkan”



Pandangan Ulama

1



Binatang yang haram dimakan dagingnya berdasarkan nas al-Quran dan Hadith seperti anjing dan babi.

2

Halal bagi binatang ternakan sama ada jinak atau liar. Haram makan binatang liar walaupun jinak.

(Ibn ‘Ābidin, Hāshiyah Radd al-Muhtār ‘ala al-Dur al-Mukhtar)





3

Binatang yang **bertaring dan berkuku** digunakan untuk menyerang mangsa adalah haram.

(al-Nawawi, Majmu' Sharḥ)

4

Binatang yang boleh dibunuh sebagaimana disunatkan oleh Rasulullah SAW seperti ular, kala jengking, lipas dan gagak adalah haram dimakan.



5

Serangga atau binatang kecil haram dimakan kerana menjijikan. (al-Nawawi, Majmu' Sharḥ)



6

Binatang yang lahir daripada **kacukan** binatang haram dan halal adalah haram dimakan Seperti kacukan kambing dengan khinzir **Kamzir**. (al-Nawawi, Majmu' Sharḥ)



7



Binatang dua alam adalah haram dimakan.
(al-Nawawi, Majmu' Sharḥ)

8

Setiap makanan dan minuman yang beracun, kotor, memudharatkan atau makan binatang yang makan benda-benda kotor seperti ikan keli makan perut babi adalah haram dimakan.



"Ikan keli atau patin yang diberi makan daging adalah termasuk dalam kategori Jallalah jika zahir bau dan bau tengik daging babi tersebut. Sebagai langkah berhati-hati dan keluar daripada khilaf, kami berpendapat agar dikuarantinkan ikan tersebut selama 3 hari sehingga hilang bau najis sebelum dimakan atau dijual "

Al-Kafi #456 : Hukum Makan Ikan Keli Dan Ikan Patin

9



Haram makanan dan minuman yang memabukkan walaupun sedikit. (al-Nawawi, Majmu' Sharḥ)



Tumbuhan yang hidup di darat dan laut yang boleh mendatangkan kemudharatan adalah haram.

Secara ringkasnya makanan yang syubhah boleh menjadi haram apabila terdapat ciri-ciri berikut:

1. ***Khaba'is*** (kotor)
2. ***Dharar*** (Mudarat)
3. ***Najasah*** (bernajis)
4. ***Iskar*** (Memabukkan)

Prof. Dr. KH. Ali Mustafa Yaqub, (Risalah al-Dukturah) Ma 'ayir al-Halal wa al Haram fi al-Ath'imah wa al-Asyribah wa al-Adwiyah wal-al-Mustahdharat al-Tajmiliyyah ala Dhau' al-Kitab wa al-Sunnah

Pengurusan makanan Halal dari perspektif perundangan Malaysia

Akta Perintah Perihal Dagangan 2011 di bawah:

1. Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011
2. Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011.
 - (a) Diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwibawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) / Majlis Agama Islam Negeri (MAIN); dan
 - (b) Ditandakan dengan logo yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa (JAKIM/MAIN)

Kesimpulan

1. *Umat Islam perlu berhati-hati membeli makanan yang mengandungi bahan-bahan yang diragui sama ada dalam bentuk zat atau melalui proses kimia.*
2. *Sentiasa mendapatkan maklumat saih daripada agensi kerajaan yang berautoriti seperti Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM)/ Majlis Agama Islam Negeri melalui telefon, emel, laman web dan aplikasi yang disediakan*
3. *Mengutamakan produk keluaran muslim yang dijamin halal dan bersih.*



Sila scan Kod QR untuk mendengar ceramah Halal Dan Haram dalam Pemakanan

•MAU'IZAH
موعظة

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

SIRI 2 / 2021



**TAJUK :
SUAMI BUKAN
MALAIKAT, ISTERI
BUKAN BIDADARI**

PENCERAMAH :

USTAZAH HAJJAH NORRIHAH MOHD NADZIR
TIMBALAN PENGARAH KANAN HAL EHWAL ISLAM

#BahagianHalEhwalIslamUiTMShahAlam
#MasjidUiTMShahAlam
#MasjidNadiKeimanianUniversiti

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM
PEJABAT NAIB CANSelor
MASJID AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM



@BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM UiTM SHAH ALAM

PENDAHULUAN

Allah SWT menciptakan lelaki dan wanita adalah untuk saling kenal mengenal di antara satu sama lain. Kehidupan berpasangan juga merupakan satu tuntutan tabiat semua makhluk yang hidup di dunia ini. Islam menghalalkan pergaulan lelaki dan wanita melalui perkahwinan

وَمِنْ عَائِدِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ
مَوْدَةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir”

Perkahwinan ialah amanah untuk memikul tanggungjawab membentuk keluarga yang lebih besar.

Apabila telah berkahwin seseorang hamba itu, maka dia telah memenuhi separuh agamanya. Maka bertakwalah dia kepada Allah pada separuh (yang belum disempurnakan) lagi. — Hadis riwayat al-Baihaqi

SIFAT MANUSIA DALAM AL-QURAN

Bersifat Lemah

• يَا أَيُّهَا الْأَنْسَٰنُ مَا عَرَكَ بِرِّبِّكَ الْكَرِيمِ

Wahai manusia! Apakah yang memperdayakanmu - (berlaku derhaka) • kepada Tuhanmu yang Maha Pemurah? -

Bersifat Lalai

• أَهْنَكُمُ الْكَافِرُ

Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan • berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak pangkat dan pengaruh), -

Bersifat Penakut

• قَالَ يَٰ آدَمُ إِنِّي هُمْ بِإِسْمَائِهِمْ سَقَلْمًا أَنْبَاهُمْ بِإِسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَفْلَ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ
عَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا ثُبُدوْنَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْنُمُونَ

Allah berfirman: "Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua • kepada mereka". Maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah berfirman: "Bukankah Aku telah katakan kepada kamu, bahwasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?".

TANGGUNGJAWAB SUAMI & ISTERI

Tanggungjawab suami


- Bimbing ajaran islam menuju keredhaan Allah
- Memberi nafkah/ sara hidup seperti makanan dan tempat tinggal
- Melindungi marwah keluarga dan harta benda
- Ber tanggungjawab mendidik akhlak anak-anak
- Memberi nafkah batin termasuklah mengganti isteri dengan baik
- Menjadi pemerintah dalam menyelesaikan masalah isteri, anak-anak dan jiran tetanggu
- Melindungi isteri dan anak dari segi kesehatan dan keselamatan
- Menyara anak-anak

Tanggungjawab isteri

- Menjaga kehormatan diri
- Patuhi terhadap suami
- Memberi kasih sayang kepada suami dan anak-anak
- Menjaga kebersihan rumah tangga dan kesihatan diri serta anak-anak
- Menjaga amanah dan harta suami
- Simpan Rahsia
- Tidak memungkalkan rumah tanpa izin suami (kecuali dalam situasi darurat)
- Berhias untuk tatapan suami sahaja

APA ITU KEBAHAGIAAN

suasana senang dan aman, aman damai serta gembira.



Imam al-Ghazali berkata:
Bahagia ialah Ketika mana manusia berada dalam satu puncak ketakwaan. Ia merupakan kenikmatan daripada Allah SWT. (Lihat Ihya' Ulum al-Din, 3/8)

Ibn Sina: Kebahagiaan yang hakiki akan diperoleh pada hari akhirat kelak

Prof. Dr. Hamka dalam bukunya "Tasawuf Moden" menyebut, kebahagiaan itu mempunyai sejumlah kaedah dan pengalaman seseorang

SIFAT MEMBAWA KEBAHAGIAAN



SABAR

Hidup adalah ujian. Kalimat tersebut pasti sering kamu dengar walau terkadang sulit untuk memahaminya. Ketika hidupmu tertimpa masalah, bukannya marah-marah atau stres, tapi bersabarlah. Fikirkan dengan matang dan cari solusinya.

Dengan bersabar kamu akan lebih kuat dalam menghadapi ujian-ujian tersebut. Tidak hanya itu, kamu juga bisa lebih bahagia dan memahami bawah masalah yang kamu hadapi memang sudah digariskan.

يَا أَيُّهَا الْذِينَ إِذَا فَاتُوكُمْ أَسْتَعِنُوا بِالْأَثْرَى وَالْأَعْلَوْةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الْأَصْفَارِ

Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar (Al Baqarah: 153)

SYUKUR

Sifat yang bisa membuatmu bahagia dalam hidup yang terakhir adalah rasa syukur. Selalu bersyukur atas apa yang terjadi bisa membuatmu menjadi pribadi yang optimis dan tidak penuh penyesalan.

Kamu yakin bahwa apa yang terjadi adalah pembelajaran sehingga kamu bisa menjadi lebih di masa depan.

وَإِذَا تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لَمْ يَكُنْ لَّكُمْ سُكُونٌ وَلَمْ يَكُنْ كُفُورُهُمْ إِنَّ عَذَابَيِ الْشَّدِيدِ

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras". (Ibrahim: 7)

TOLERANSI

Suami yang mempunyai kuasa mutlak dalam keluarga seharusnya bertolak ansur dan memahami keadaan isterinya untuk menempuh arus kehidupan zaman serba moden ini.

Tekanan kerja dan kos kehidupan semakin mencabar.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذِكْرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائلَ لِتَعْاْرِفُوا إِنَّ أَكْثَرَكُمْ عَنِّي
اللَّهُ أَعْلَمُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيبٌ

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya

kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu). (Al-Hujurat :13)

CABARAN PERKAHWINAN & RUMAHTANGGA MASA KINI

MAHAR/MAS KAHWIN/HANTARAN

Peker motivasi dan kaunseling, Hushim Salleh berkata, masalah kewangan menjadi antara penyebab utama berlakunya perceraian kerana ramai suami diberhentikan kerja dan hilang punca pendapatan akibat Covid-19.

PENGARUH MEDSOS, GAJET, KAWAN

Menurutnya, masalah kewangan itu akan mempengaruhi komunikasi antara suami dan isteri kerana mungkin pasangan akan meninggalkan suara antara satu-sama lain kerana tertekan, seterusnya keadaan itu akan mewujudkan ketidaksefahaman.

KOMUNIKASI YANG LEMAH

Beliau berkata, konflik juga lebih mudah berlaku apabila tempat tinggal yang dihuni sesebuah keluarga sempit dan sesak.

Menurutnya, suami isteri juga perlu meningkatkan ilmu seimbangan agar mereka tidak mudah mengambil kepulusan untuk berceraian dan mengutamakan nasib anak-anak.

AMALAN KEHIDUPAN



KESIMPULAN

Malaikat dan bidadari adalah makhluk mulia, berkhidmat, bertugas menurut arahan Pencipta yang Esa. Buat yang disuruh, tinggalkan yang tercela sunnah Rasulullah S.A.W. patut dijaga. Kehidupan rumah tangga umpama sebuah perjalanan ada permulaan dan pengakhiran.



Sila scan Kod QR untuk mendengar ceramah Suami Bukan Malaikat, Isteri Bukan Bidadari

•MAU'IZAH
موعظة

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

SIRI 3 / 2021



TAJUK :
MEMBACA MANHAJ
KEHIDUPAN

PENCERAMAH :
USTAZ MOHD NAZRIL SAAD
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM KANAN


#BahagianHalEhwalIslamUiTMShahAlam
#MasjidUiTMShahAlam
#MasjidNadiKeimananUniversiti

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM
PEJABAT NAID CANCELOR
MASJID AL-KATHIQI BILAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM



@BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM UiTM SHAH ALAM

PENDAHULUAN



"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku, Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya".(Surah al-'Alaq: 1 – 5)

INTIPATI AYAT

Membaca adalah penitah pertama tuhan kepada umat nabi

Pemulaan dakwah nabi

Membaca adalah manhaj kehidupan

Membaca bukan suatu hobi

Membaca sebagai salah satu wasilah memperoleh ilmu

Membaca demi kepentingan pencipta

Membaca menambah kesedaran manusia akan kejahilan diri berbanding tuhan maha pencipta

KEPENTINGAN MEMBACA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM



Merupakan wahyu & perintah pertama tuhan kepada umat manusia




Kesungguhan malaikat Jibril A.S mengajar Rasulullah S.A.W membaca



Keunikan kisah Rasulullah S.A.W menawarkan pembebasan tawanan perang badar yang musyrik sekiranya mereka mahir mengajar membaca anak-anak orang islam



Kewajaran Rasulullah S.A.W melantik Sayyiduna Zaid Bin Tsabit r.a sebagai penulis al-quran, penterjemah bagi bahasa siriyan dan ibrani dan penulis surat walaupun umurnya 13 tahun.



Wujudnya perpustakaan yang terkenal dalam sejarah islam seperti Perpustakaan Baitul Hikmah Kota Bagdad, Bani Umayyah Cordova, Darul Ilmi Mesir, Qarawiyin Moroko dkk.

❖ PERMASALAHAN MEMBACA UMAT ISLAM MASA KINI

1. Kurang minat dan kurang membaca
2. Banyak waktu dihabiskan dengan membaca, namun bahan bacaan tersebut tidak bermanfaat, tidak berfokus, bahkan tidak mengetahui apa yang dibaca.

"Kadar literasi penduduk Malaysia masih berada pada tahap 55 peratus dengan purata setiap rakyat hanya membaca 15 hingga 20 buku setahun. 'Bagi mencapai sasaran ideal dengan jumlah populasi setiap orang perlu membaca 30 buku setahun'."

(Retna Pengaruh Perpustakaan Negara Malaysia, 21 April 2017)



<https://www.astroawani.com/bentuk-malaysia/kwic/2020/malaysia-mohon-atau-tidak-membaca-249478>

Bahan Bacaan Yang Diperlukan



Membaca Al-quran



Membaca buku hadis-hadis & pelbagai buku agama yang lain



Buku sejarah



Buku berkaitan isu semasa



Buku berkaitan sukan, pendidikan, sains dan lain-lain

MEMBENTUK MINDA SUKA MEMBACA

Niat Yang Ikhlas

Merangka Strategi Membaca

Menyediakan waktu khusus

Berperingkat dan bertahap

Membaca dengan bersungguh-sungguh

Tekun dan teliti

Mewujudkan satu ruang perpustakaan mini di rumah

Kongsi bacaan hari ini kepada orang lain

Mewujudkan kumpulan bagi membantu bahan bacaan bersama rakan-rakan

Ingin berdampingan dengan ulama atau cendiakawan yang alim

PEMBAHAGIAN BUKU BERDASARKAN IHTIRAM

- Buku yang dihormati; terbahagi kepada dua iaitu ilmu syarak (cth; fikah) dan bukan syarak (cth; sains, kejuruteraan dll)
- Buku yang tidak dihormati seperti kitab Injil, sihir dan nujum

PEMBAHAGIAN BUKU BERDASARKAN ILMU SYARAK

- Ilmu Syarak adalah ilmu yang diambil faedah daripada ucapan para nabi
- Ilmu bukan syarak adalah ilmu berdasarkan sains, matematik dan lain-lain. Terbahagi kepada 3 hukum, faridhu kifayah, haram dan harus.

ADAB DALAM MENYUSUN BUKU

1. Al-Quran

2. Kitab Matan Hadis

3. Tafsir Al-Quran

4. Kitab Tafsir Hadis

5. Kitab-Kitab Usuluddin

6. Kitab-Kitab Usul-Fiqh

7. Kitab-Kitab Fiqh

8. Buku-Buku Nahu, Sorof, Puisi, dan lain-lain

DOA DALAM MEMBACA BUKU

اللَّهُمَّ أَخْرِجْنِي مِنْ ظُلْمَاتِ الْوَهْمِ وَ أَكْرِمْنِي بِنُورِ الْفَهْمِ، اللَّهُمَّ افْتَحْ عَلَيْنَا آبْوَابَ رَحْمَتِكَ وَ انْشُرْ عَلَيْنَا حَزَّائِنَ، عِلْمَكَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Maksudnya:

“Ya Allah! keluarkan kami dari kegelapan syak wasangka dan muliakanlah kami dengan cahaya kefahaman. Bukakanlah bagi kami dengan makrifat ilmu dan elokkanlah akhlak kami dengan sifat lemah lembut dan penyabar. Permudahkanlah bagi kami pintu-pintu kelebihanMu dan limpahkanlah ke atas kami dari perbendaraan rahmatMu wahai Tuhan Yng Maha Pengasih lagi Penyayang.”

اللَّهُمَّ انْقُعْنِي بِمَا عَلِمْتَنِي، وَعَلِمْنِي مَا يَنْقُعْنِي، وَزِدْنِي عِلْمًا

Maksudnya: “Ya Allah Ya Tuhanku, manfaatkanlah aku bagi apa yang engkau ajari, dan ajarilah apa yang bermanfaat buatku, dan tambahkanlah kepada aku akan ilmu”

KESIMPULAN

Membaca jambatan ilmu dan kunci kejayaan kepada seseorang individu. Dengan membaca, seseorang individu memperoleh ilmu yang bermanfaat disamping dapat menerapkan nilai-nilai murni hasil dari penerapan nilai membaca tersebut. Justeru itu, walau dunia semakin canggih dengan teknologi kini yabf serba moden, amalan membaca pelbagai buku yang merupakan warisan kepada kematangan minda akan membawa kepada jati diri yang utuh dan dapat mengelakkan seseorang individu terpengaruh dengan gejala yang tidak sihat sekaligus membawa kepada personaliti individu yang proaktif dan dinamik.



Sila scan Kod QR untuk mendengar ceramah Membaca Manhaj Kehidupan

MAU'IZAH
موعظة
BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

SIRI 4 / 2021



TAJUK :
**TENTANG
SYURGA &
NERAKA**

PENCERAMAH :
USTAZ HAJI LUFTI FAUZI HAJI SABARI
TIMBALAN PENGARAH HAL EHWAL ISLAM

#BahagianHalEhwalIslamUiTMShahAlam
#MasjidUiTMShahAlam
#MasjidNadiKeimananUniversiti

PENDAHULUAN

﴿ وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٌ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴾

“Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang ber-taqwa” (Ali Imran: 133)

Dunia ini hanyalah persinggahan dan bersifat sementara dan jambatan menuju akhirat. Manusia akan diuji dengan pelbagai ujian duniawi kemudian meninggalkan dunia menuju kehidupan akhirat yang kekal abadi. Harta benda, pangkat, kemewahan perhiasan dunia hanyalah ujian bagi manusia dimana manusia sering lalai dengannya

PERJALANAN KITA



SYURGA DAN NERAKA

Syurga dan neraka adalah makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT. Gambaran syurga dan neraka hanyalah disampaikan oleh Allah SWT melalui Al Quran dan kepada utusannya Rasulullah SAW sahaja.

SYURGA

Tempat kediaman atau rumah yang disediakan oleh Allah untuk hamba-hambaNya yang bertaqwa kepadaNya, sebagai balasan atas keimanan dan amal soleh mereka semasa di dunia.

Dalam Al Quran di sebut sebagai **AL JANNAH**

MAKNA AL JANNAH

- | | |
|---------|---|
| BAHASA | <ul style="list-style-type: none">• Dalam al-Qur'an merujuk kepada taman-taman, pokok-pokok dan kebun. (Surah al-Shuara' (26: 57), Surah Qaf (50: 9), Surah al-Shuara' (26: 134)).• Al-Raghib al-Astahani, perkataan al-jannah adalah merujuk kepada setiap "taman" (bustan)• Ibn Manzur :al-jannah bermaksud "taman" (al-hadiqah) |
| ISTILAH | <ul style="list-style-type: none">• Dari sudut istilah, al-jannah digambarkan sebagai suatu kebun yang suasannya nyaman, dihiasi dengan segala kemegahan yang tidak terhitung, dinaungi oleh pelbagai pokok-pokok yang rendang dan terlindung dari cuaca yang sejuk dan panas. Rujuk : Surah al-Nisa' (4: 57), Surah al-Insan (76: 20), Surah al-Nisa' (4: 57).• Al-jannah juga merujuk kepada suatu tempat yang disediakan oleh Allah SWT bagi hamba-hambaNya yang bertaqwa sebagai ganjaran di atas keimanan dan amalan soleh yang dilakukan (Surah al-Baqarah (2: 80))• Hassan Ayub (1994), Tafsir al-'Aqaid al-Islamiyyah |

BINAAN SYURGA

- Dari Abu Hurairah r.a. berkata: "Ya Rasulullah, dari apakah dibuat syurga itu?" Jawab Nabi Muhammad S.A.W.: "Dari air." Kami bertanya: "Berilakan tentang bangunan syurga." Jawab Nabi Muhammad S.A.W.: "Satu bata dari emas dan satu bata dari perak, dan lantainya kasturi yang semerbak harum, tanahnya dari za'taran, kerikilnya mutiara dan yakut, siapa yang masuk dalamnya senang tidak susah, kekal tidak mati, tidak lapuk pakalannya, tidak berubah mukanya." (Rujukan kitab: Tanbih AL Ghafilan)

KEDUDUKAN SYURGA

- Para ulama bersepakat syurga itu terletak di atas dari langit yang ketujuh. Dalam surah An-Najm ayat 13-15
- Ketika Rasulullah dalam perjalanan Mikraj, Baginda telah berhenti di Sidratul Muntaha. Menurut baginda, Sidratul Muntaha itu berada jauh di luar alam langit (di luar ruang angkasa). Di situlah Baginda dapat terletaknya syurga

KELUASAN SYURGA

- seluas langit dan bumi sebagaimana firman Allah dalam surah Al Imran 133:
 - وَسَارُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّنْ زِيْكُمْ وَجِئْنَاهُ عَرْضَهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أَعْدَتْ لِلْمُتَّقِينَ (١٣٣)
- maksudnya : dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal Yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga Yang bidangnya SELUAS SEGALA LANGIT DAN BUMI, Yang disediakan bagi orang-orang Yang bertaqwa
 - وَإِذَا رَأَيْتَ فِي زَيْرَتِنَا تَعْيَّنًا وَمُلْكًا كَبِيرًا
- Maksudnya : Dan apabila engkau melihat di sana (dalam Syurga itu), engkau melihat nikmat yang melimpah-limpah dan KERAJAAN YANG BESAR (YANG TIDAK ADA BANDINGANNYA). (Al Insan : 20)

NAMA-NAMA KHAS BAGI SYURGA

Jannatul Firdaus –
Syurga pohon anggur
dan kurma

Jannatu 'Adn' – Taman
Kekal Abadi (tidak
berubah)

Jannatun Na'im – Taman
kenikmatan

Jannatul Khuld – Taman
yang kekal

Jannatul Ma'wa – Tempat
kembali

Jannatul Alillyah – Taman
yang tinggi pada derjat
dan kemuliaan

Darus Salam – Negeri
sejahtera

Darul Muqamah – Negeri
ketenangan

Darul Qarar – Negeri
Kekal Abadi

Jawharah al-Tawhid, h. 183, al-„Aqli, Dirasah, h. 205, Hashiyah al-Imam al-Bayjuri, h. 299.
Tafsir Ar Razi Al-Razi, Mafatih al-Ghayb, j. 11. juz. 21: 176; j. 12. juz. 23: 83

DARJAT DAN MARTABAT SYURGA BERDASARKAN AMALAN

Menurut Ar Razi :

Tingkatan penghuni syurga adalah berbeza berdasarkan sifat-sifat dalaman (hati) dan amalan zahir mereka semasa di dunia.

darajah al-kamilah yang merupakan tingkatan yang lebih tinggi.

al-nazilah (al-darajah al-nazilah) tidak sesekali merasa cemburu dan iri hati kepada penghuni syurga yang berada di tingkatan al-kamilah”(

al-darajat al-'ula adalah bagi orang yang beriman dan melakukan pelbagai amal soleh serta suci dari dosa dan maksiat.

Tingkatan syurga yang lebih rendah adalah bagi orang beriman yang melakukan maksiat (*mu'min asli*) yang menemui Allah SWT dalam keadaan mereka masih belum beritaubat

Al-Razi, *Mafatih al-Ghayb*, j. 11. juz. 22: 92

PINTU SYURGA


وَسِيقَ الَّذِينَ أَنْقَوْرَهُمْ إِلَى الْجَنَّةِ زُمَرًا ? حَتَّىٰ ؟ إِذَا جَاءُوهَا وَفُتِحْتُ أَبْوَابُهَا وَقَالَ لَهُمْ حَرَنْتُهُمْ سَلَامٌ
عَيْنَكُمْ طَبِيعُمْ فَادْخُلُوهَا حَالَدِينَ

Dan orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan dibawa ke Syurga dengan berpasukan-pasukan, sehingga apabila mereka sampai ke Syurga yang PINTU-PINTUNYA sedia terbuka dan penjaga-penjaganya mengalu-alukan mereka dengan kata-kata: "Salam sejahtera kepada kamu, berbahagialah kamu, maka silalah masuk ke dalam Syurga ini dengan keadaan tinggal kekal di dalamnya" (mereka pun masuk) (Az Zumar : 73)



Ibnu Abbas ra. berkata: Syurga mempunyai 8 PINTU yang dibuat dari emas, yang dihiasi dengan jauhar (sejenis mutiara)

KENIKMATAN-KENIKMATAN SYURGA



BAGAIMANA MEMPEROLEH SYURGA ALLAH?

Firman Allah swt dalam Surah Al Hadid ayat 21

سَابِقُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّنْ رِبْكَنْدٍ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَفَرْضُ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَعْدَتْ لِلَّذِينَ آمَنُوا بِأَنَّهُ
وَرَزِيلِهِ دَلِيلٌ فَضْلٌ اللَّهُ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٢١﴾

Maksudnya: 21. berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat syurga yang bidangnya seluas Segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasulNya; Yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikan Nya kepada sesiapa yang dikehendaki Nya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia Yang besar.

NERAKA

Neraka ialah tempat balasan seksa yang disediakan oleh Allah S.W.T kepada orang kafir dan orang Islam yang mengingkari perintahNya.

Hukum beriman kewujudan neraka adalah **WAJIB**.


Mereka yang tidak meyakini kewujudan neraka adalah murtad.

PERINGATAN ALLAH TENTANG AZAB NERAKA

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوَا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ
شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan. (At-Tahriim 6)

NAMA-NAMA NERAKA



TINGKATAN NERAKA

TINGKATAN	NAMA NERAKA	PENGHUNI	HURAIAN
Pertama	Jahanam	Orang Islam yang melakukan maksiat	Dinamakan Jahanam kerana ia bermuka masam atau begis sewaktu menyambut mangsanya yakni orang yang berdosa. Jahannam akan memakan daging (membakar) orang yang memasukinya.
Kedua	Lazha	Orang Yahudi	dinyatakan di dalam Al-Quran surah Al-Maarij ayat 15 hingga 16
Ketiga	Huthomah	Orang Nasrani	Al-Humazah:5-7
Keempat	Sa'iir	Orang Shabai'in	Api Neraka sa'ir, pada mulanya dinyalakan selama seribu tahun sehingga menjadi merah. Dibiarkan menyala selama seribu tahun lagi sehingga menjadi warna putih. Dibiarkan lagi menyala seribu tahun lagi sehingga berwarna hitam. Maka jadilah ia hitam gelap. (An-Nisa: 10)
Kelima	Saqar	Orang Majusi	Al-Muddathir (27-28)
Keenam	Jahim	Orang menyembah Berhala	Neraka Jahim adalah neraka yang besar bara apinya. Firman Allah dalam surah Al-Syu'ra : 26
Ketujuh	Hawiyah	Orang Munafiq	Al-Qari'ah:8-11

KESIMPULAN

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ أَدْنَى أَهْلِ النَّارِ عَذَابًا يَنْتَعِلُ بِنَعْلَيْنِ مِنْ نَارٍ ، يَعْلِي دِمَاءَهُ مِنْ حَرَازَةِ نَعْلَيْهِ .

رواه مسلم

Sahabat Nu'man bin Basyir pun ketika suatu saat menyampaikan khutbahnya, ia mengatakan bahwa ia, "Rasulullah SAW telah bersabda, 'Sesungguhnya siksa penghuni neraka yang paling ringan adalah seseorang yang dipakaikan sepasang terompah yang terbuat dari api hingga otaknya mendidih sebagaimana mendidihnya air yang sedang direbus".

Pada saat itu orang tersebut menganggap dialah orang yang mendapat siksaan yang paling pedih, padahal ia adalah penghuni neraka yang paling ringan siksanya.

(HR Muslim)



Sila scan Kod QR untuk mendengar ceramah Tentang Syurga Dan Neraka



MAU'IZAH
موعظة
BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

SIRI 5 / 2021



TAJUK : IBRAH PERANG BADAR

PENCERAMAH :
USTAZAH NORFAIZAH YAHYA
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM

#BahagianHalEhwalIslamUITMShahAlam
#MasjidUITMShahAlam
#MasjidNadiKeimananUniversiti

PENGENALAN

R amadan bukan hanya bulan suci bagi umat Islam. Di bulan ini, umat Islam diwajibkan untuk menahan diri dari lapar dan dahaga serta menghindari amarah. Ramadhan juga merupakan bulan suci saat Al-Quran diturunkan. Namun, di bulan suci ini pula, pernah terjadi peperangan yang sangat dahsyat dan bererti dalam kehidupan umat Islam.

Salah satu peperangan tersebut adalah PERANG BADAR.

Perang Badar Al Kubra terjadi pada bulan Ramadan tahun kedua sesudah Hijrah. Umat Islam berhasil memenangi perang ini. Dalam sejarah, inilah kemenangan agung pertama pejuang-pejuang Islam menentang kemosyrikan dan kebatilan. Kisah Perang Badar adalah peristiwa yang paling terkenal dan sangat banyak terdapat hikmah dan pelajaran di dalamnya



PERANG BADAR

Menurut Dewan Bahasa & Pustaka, perang bermaksud perjuangan, pertempuran di suatu medan (tempat)

Perang Badar pula bermaksud perang yang berlaku di suatu tempat bermama Badar pada 17 Ramadhan tahun ke-2 Hijrah.

Badar merupakan suatu kawasan yang dikeilingi gunung-gunung tinggi.

Kawasan Badar ini terletak di antara Mekah & Madinah serta memiliki 3 buah celah iaitu

1. Celah dari selatan yang merupakan pinggir lembah yang jauh
2. Celah dari utara yang merupakan pinggir lembah yang dekat
3. Celah dari arah timur yang merupakan jaluan masuk ke Madinah

PUNCA BERLAKUNYA PERANG BADAR

Kebencian Abu Jahl kepada Rasulullah

Penindasan kepada umat Islam

Rampasan harta benda dan pengusiran umat Islam dari bumi Mekah

KRONOLOGI PERANG BADAR

Rasulullah telah diberitahu oleh seseorang bahawa terdapat kafiah sekitar 40 orang yang membawa pelbagai hasil dagangan dengan dipimpin oleh Abu Sufyan.


Rasulullah segera menghantar kaum Muslimin untuk menyekat kafiah itu kerana barang yang dibawa oleh mereka merupakan harta milik kaum muhajirin yang didagangkan dan dirampas serta dijual sewaktu mereka berhijrah ke Madinah.

Kaum Muslimin mula menuju ke Badar kerana kawasan itu merupakan letuan kafiah dan dikelilingi telaga, kebun kurma dan menjadi tempat untuk kafiah berhenti seketika.


Rasulullah melalui jalan lain untuk sampai ke Badar agar perkara ini tidak diketahui oleh pihak musuh atau kaum Musyrikin.

Perhabaran tentang kaum Muslimin telah sampai ke Badar telah diketahui oleh Abu Sufyan dan beliau mengarahkan Dhamdham bin Amru al-Ghifari untuk memberitahu kepada kaum Quraisy di Mekah dan bermulalah rentetan perperangan.


STRATEGI RASULULLAH DALAM PEPE-RANGAN



PERTOLONGAN ALLAH KEPADA KAUM MUSLI



GOLONGAN YANG SYAHID DI JALAN ALLAH



PUNCA KEKALAHAN KAUM QURAISY



KESIMPULAN

Kemenangan dalam Perang Badar dengan pertolongan Allah telah menjadi bukti akan kebenaran ajaran yang dibawa oleh Rasulullah. Hal ini menjadi pengajaran kepada umat Islam agar sentiasa berpegang teguh dan menyerahkan Kemenangan dalam Perang Badar dengan pertolongan Allah telah menjadi bukti akan kebenaran ajaran yang dibawa oleh Rasulullah. Hal ini menjadi pengajaran kepada umat Islam agar sentiasa berpegang teguh dan menyerahkan egala urusan kepada Allah. Perang Badar yang berlaku pada bulan Ramadhan ini menjadi satu momentum bahawa Allah mengaturnya dari awal hingga akhir. Hal ini juga menjadi tanda bermulanya era baharu dengan kuasa pemerintahan yang dibawa oleh Rasulullah dalam menjadi tonggak ke arah negara Islam yang syumul



Sila scan Kod QR untuk mendengar ceramah Ibrah Perang Badar

MAU'IZAH
موعظة
BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

SIRI 7 / 2021



TAJUK : TADABBUR SURAH AL-WAQIAH

PENCERAMAH :
USTAZ HAJI MD IDRIS ABDULLAH
PENGAWAI HAL EHWAL ISLAM KANAN

#BahagianHalEhwalIslamUiTMShahAlam
#MasjidUiTMShahAlam
#MasjidNadiKeimananUniversiti

Tadabbur

سُورَةُ الْوَاقِعَةِ

Pengenalan

Surah ini adalah surah ke-56 dalam Al-Quran terletak pada juzuk ke-27 dan mengandungi 96 ayat. Surah Al-Waqi'ah adalah surah Makkiyah.

Surah ini diturunkan selepas surah Taha dan dinamakan dengan Al-Waqi'ah yang bermaksud hari kiamat. Perkataan Al-Waqi'ah diambil pada ayat pertama dalam surah ini.

Surah Al-Waqiah menerangkan tentang hari kiamat, balasan yang diterima oleh orang-orang mukmin dan orang-orang kafir. Selain itu

Surah ini juga menerangkan tentang penciptaan manusia, tumbuh-tumbuhan dan api, sebagai bukti kekuasaan Allah SWT dan adanya hari pembalasan.

Kelebihan

1. Di antara kelebihan membaca surah al-Waqiah seperti yang diceritakan oleh Ibnu Mas'ud RA:

Barangsiapa yang membaca surah al-Waqiah pada setiap malam, maka ia tidak akan ditimpah musibah kefakiran selama-lamanya.

Lihat *al-Jamie' al-Soghir*, al-Suyuti (12546)

Kelébihan

2. Imam al-Syaukani di dalam tafsirnya menukilkan sebuah hadis yang dikeluarkan Ibnu Asakir, daripada Ibnu Abbas RA Sabda Nabi SAW:

Surah al-Waqiah merupakan surah kekayaan, maka bacalah ia, dan ajarilah ia kepada anak-anak kamu.

(Lihat **Fathu al-Qadir li Syaukani**, 5/176)

3. Selain itu, Dr Wahbah Zuhaili menukilkan sebuah hadis yang menceritakan tentang kelebihan surah al- Waqiah dengan menyatakan, daripada Abu Zibah berkata ketika Abdullah bin Mas'ud sedang tenat dan nazak, lalu Saidina Osman bin Affan RA menziarahinya dan bertanya berkenaan peninggalannya kepada anak perempuannya, maka Ibnu Mas'ud berkata:

"Apakah engkau risau akan putri-putriku menjadi fakir? Sesungguhnya aku telah memerintahkan putriku untuk membaca surah al-Waqiah pada setiap malam kerana aku telah mendengar Rasullullah bersabda: "Barangsiapa yang membaca surah al-Waqiah pada setiap malam, maka ia tidak akan ditimpa musibah kefakiran selama-lamanya."



إِذَا وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ لَيْسَ لِوَقْعَتِهَا كَادِيَّةٌ

Maksudnya : “Apabila telah terjadi peristiwa besar itu. Tidaklah akan terjadinya itu dapat didustakan.”

Tafsir ringkas:

1. Allah SWT menyebut : “Apabila telah terjadinya peristiwa besar. Al-Waqi’ah atau ‘Peristiwa Besar’ yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah hari Qiamat.
2. Kalimah Al-Waqi’ah yang digunakan sebagai nama surah ini adalah salah satu dari nama-nama hari Qiamat. Kalimah (الواقعة) diambil dari kalimah asal (وقع) yang bermaksud ‘berlaku’, ‘pasti’. Ianya digunakan sebagai nama lain bagi hari Qiamat kerana hari Qiamat itu pasti terjadi dan pasti ada. Tidak dapat tidak, ia pasti akan berlaku. Cuma kita sahaja tidak tahu bilakah masanya ia akan berlaku.
3. Dalam Al-Quran, hari Qiamat mendapat pelbagai nama. Antaranya, **Al-Haqqah** (yang sebenarnya), **Az-Zilzaal** (gempa bumi besar), **Al-Qari’ah** (peristiwa besar). Mempercayai dan meyakini hari Qiamat juga adalah rukun iman yang kelima.

4. Seterusnya Allah SWT menegaskan bahawa kepercayaan terhadap peristiwa terjadinya hari Qiamat adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan. Kalimah **(كاذبةٌ)** boleh bermaksud ‘penolakan’. Maksudnya bila ia sudah mula berlaku, ia tidak akan dapat ditahan lagi. Ia pasti akan terus berlaku.
5. Dari segi logik akal, kewujudan alam ini bermula daripada tiada kepada ada. Setiap yang baru akan menjadi lama. Yang lama pasti rosak dan musnah. Begitu jugalah alam ini pasti akan hancur dengan berlakunya hari Qiamat.



Maksudnya : “(Kejadian itu) merendahkan (satu golongan) dan meninggikan (golongan yang lain)”

Tafsir ringkas:

خَافِضَةٌ

Allah hendak memberi balasan kepada mereka yang engkar semasa hidup di dunia. Iaitu mereka yang engkar kepada perintah Allah. Mereka ini akan dimasukkan ke dalam neraka dan kedudukan mereka akan direndahkan dengan serendah-rendahnya.

رَافِعَةٌ

Dan ada puak yang lain yang akan diangkat kedudukan mereka supaya dimasukkan ke dalam syurga. Mereka itu boleh dinasikkan tinggi sampai ke tingkatan Syurga Naim walaupun dulu mereka semasa di dunia adalah orang-orang yang rendah miskin hina dina. Ini adalah kerana mereka taat kepada perintah



إِذَا رُحْتَ الْأَرْضُ رُحْجًا فَنَسَتِ الْجِبَالُ كُلًا
فَكَانَتْ هَبَّةً مُّنْبَثِثًا

Maksudnya :"Apabila bumi digoncang sedahsyat-dashyatnya, Dan gunung-gunung dihancurkan sehancur-hancurnya,Maka, jadilah ia debu yang berterbangan".

Tafsir ringkas:

1. Ayat-ayat ini menggambarkan keadaan hari Qiamat bila mana bumi ini akan digoncang sedahsyat-dahsyatnya. Kalau diumpamakan dengan gempa bumi berskala tinggi dan tsunami sekalipun, ia tidak dapat menyamai kedahsyatan hari Qiamat.
2. Kedahsyatan goncangan bumi menyebabkan gunung ganang runtuh dan hancur. Kalimah (رسا) juga digunakan apabila merujuk kepada tepung yang diuli. Ia sudah cukup membayangkan betapa akan sampai masanya gunung terpecah dan hancur menjadi debu setelah diuli, dipusing ke atas dan ke



3. Ibnu Abbas, Mujahid, Ikrimah, Qatadah dan lain-lain ulama' menggambarkan bahawa gunung-ganang pada hari itu dihancurkan sehancurnya dan menurut Ibnu Zaid, gunung-ganang ini digambarkan menjadi seperti tompokan pasir yang berterbangan.
4. Akhirnya gunung-ganang itu akan tercabut daripada paksinya dan pecah. Ia bukan sahaja pecah, bahkan akan hancur menjadi debu berterbangan (مُنَبْثَتٌ) kerana diterbangkan dan dihamburkan oleh angin seperti kapas yang ditup angin. Begitulah gambaran betapa teruknya hari Qiamat nanti.
5. Abu Ishaq menceritakan daripada Al-Harits, daripada Ali RA bahawa gunung-ganang akan menjadi seperti debu-debu yang dihamburkan, naik dan kemudian hilang. Tiada yang tersisa daripadanya.



وَكُنْتُمْ أَرْوَاجًا تَلَاقَةً

Aṣḥābūl
Syimāt

3 Golongan seJepas Qiyāmat

Aṣḥābūl
Yāmīn

Aṣ-Ṣābiqūn

Aṣ-Ṣābiqūn

Mereka juga digelar dengan al-muqarrabun yang diambil dari kalimah (قرب) iaitu dekat. Maka al-muqarrabun di sini ialah golongan yang didekatkan di sisi Allah. Di Mahsyar nanti, mereka duduk dekat dengan Allah sebagai penghormatan untuk mereka. Di dunia mereka berusaha mengamalkan tauhid dan ajaran sunnah. Bahkan mereka juga adalah golongan yang sering berlumba-lumba dan bersegera dalam melaksanakan perbuatan baik yang diperintahkan ke atas mereka. Mereka juga melalui pelbagai rintangan dan kesusaahan untuk mengamalkan ajaran Islam dan kerana itulah Allah memberikan kedudukan yang tertinggi buat mereka.





Aṣḥābūl Yāmīn

Golongan ini adalah mereka yang menerima kitab amalan mereka dengan tangan kanan. Mereka ini masih lagi golongan orang mukmin tapi kedudukan mereka di bawah kedudukan golongan yang pertama tadi.



Aṣḥābūl Syimāt

Golongan kiri ini adalah golongan orang yang sesat lagi mendustakan. Mereka sesat kerana mereka mendustakan kebenaran iaitu mendustakan al-Quran, menolak al-Qur'an dan juga hadis. Mereka juga mendustakan orang yang datang bawa kebenaran dari kalangan para rasul, anbiya' dan pendakwah yang benar. Akibat kesesatan dan pendustaan tersebut, mereka akan diseret ke dalam neraka dan dihidangkan dengan sajian khas untuk golongan kiri dan dipaksa untuk memakan buah zaqqum.



Pengajaran

1. Sesungguhnya Al-Quran itu benar, nabi dan ajarannya benar, Qiamat itu benar. Maka yakinlah bahawa beriman kepada apa yang ada di dalam Al-Quran benar-benar mengarahkan perilaku manusia kepada jalan yang benar. Tidak ada satu undang-undang pun yang dibuat manusia, mampu menjadikan perilaku manusia lurus dan istiqamah sebagaimana yang dihasilkan oleh iman kepada Al-Quran dan Hari Qiamat.
2. Dengan sekeping iman di dada dan sebuah Al-Quran yang Allah kurniakan kepada kita, maka jagalah nikmat ini sebaik-baiknya dengan :
 - i. Sentiasa bersikap hati-hati sehingga mendorong kita untuk selalu taat kepada petunjuk agama dan sedar akan batas kesenangan hidup di dunia.
 - ii. Terus memperbaiki kualiti kebaikan, samada berbakti kepada Allah, kepada orang tua, dan sesama manusia lain. Tidak iri terhadap kenikmatan yang didapat oleh orang lain.
 - iii. Sentiasa menyedari bahawa kehidupan akhirat setelah kematian merupakan tujuan manusia hidup di dunia ini. Oleh yang demikian ia mengingatkan kita bahawa kehidupan dunia adalah ladang kehidupan akhirat, jambatan untuk menuju ke alam akhirat, sehingga menghindarkan kita daripada sifat mazmumah, rakus, kikir, dan tamak.



Sila scan Kod QR untuk mengakses ceramah Tadabbur Surah al-Waqi'ah

•MAU'IZAH
موعظة
BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

SIRI 8 / 2021



TAJUK : BILA HATI MATI

PENCERAMAH :
USTAZ SHAHRULNIZAM AKHSAN
PENGAWAI HAL EHWAL ISLAM KANAN

#BahagianHalEhwalIslamUiTMShahAlam
#MasjidUiTMShahAlam
#MasjidNadiKeimananUniversiti

PENDAHULUAN

Manusia dijadikan oleh Allah SWT dengan dua unsur iaitu jasmani (fizikal) dan rohani. Unsur jasmani terdiri dari pancaindera, anggota badan dan organ dalam. Manakala unsur rohani terdiri dari kekuatan roh (akal), syahwat dan emosi. Gabungan dua unsur ini menjadikan manusia sebagai sebaik-baik kejadian selain ditugaskan untuk menjadi khalifah di atas muka bumi.



Unsur rohani merupakan faktor penentu kepada seseorang sama ada melakukan kebaikan atau kejahatan.

Kekuatan rohani atau kekuatan hati perlu sentiasa dijaga dan dipelihara agar mendorong tindakan ke arah kebaikan, sebaliknya andai ia lemah akan mendorong tindakan ke arah kejahatan.

"Sesungguhnya dalam diri manusia itu ada seketul daging. Jika sekiranya daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota badannya. Namun, jika seandainya daging tersebut rosak, maka rosaklah seluruh anggotanya. Daging yang dimaksudkan adalah hati!"

Riwayat Bukhari



Hati yang sejahtera adalah hati yang sentiasa memilih kebaikan dan keredaan Allah SWT

Hati yang keras dan mati sukar untuk diubati, kerana ia tertutup oleh kesesatan dan tidak bersedia menerima perintah Allah SWT.



Firman Allah SWT yang ber-maksud:

"Apakah sama orang yang dilapangkan Allah SWT dengan cahaya petunjuk dan orang yang tertutup mata hatinya dengan selaput ked-erhakaan? Maka, kecel-akaan besarlah bagi orang yang keras hatinya daripada menerima peringatan. Mere-ka sebenarnya berada dalam kesesatan yang nyata."

Surah az-Zumar:22

PUNCA HATI MATI


Memandang ringan sesuatu dosa


Kekerapan melakukan dosa

Mengkufuri nikmat




TANDA HATI SUDAH MATI





TIDAK
TAKUT AZAB



CARA MEMBERSIHKAN HATI

Melaksanakan kewajipan
Meninggalkan perkara haram & syubhab
Meningkatkan amalan sunat
Menjaga adab & akhlak
Bergaul dengan orang soleh

KESIMPULAN

Hati yang hidup ialah hati yang sentiasa bersih dan suci dari titik noda dan dosa. Hati perlu sentiasa dididik dan dipelihara menerusi amalan pembersihan hati agar tidak mudah dipengaruhi oleh hawa nafsu yang boleh membawa ke arah keburukan sehingga menyebabkan hati jadi



Sila scan Kod QR untuk mendengar ceramah Hati yang Mati

•MAU'IZAH
موعظة

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

SIRI 9 / 2021



TAJUK : BUKAN KERANA DUNIA

PENCERAMAH :
USTAZ MOHD AFIZ HASAN
PENGAWAI HAL EHWAL ISLAM KANAN

#BahagianHalEhwalIslamUiTMShahAlam
#MasjidUiTMShahAlam
#MasjidNadiKeimananUniversiti

MAKSUD DUNIA DARI PANDANGAN ISLAM:

1

Menurut perspektif Tasawuf, dunia adalah segala sesuatu selain Allah memiliki nilai llahiyah kerana dalam kenyataannya ada sesuatu berbentuk duniawi, tetapi memiliki nilai ukhrawi, kerana murninya niat, hanya untukNya.

2

